

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Rabu, 18hb Disember, 1963 pukul 10.00 pagi

No. 24

71

MENGANGKAT SUMPAH

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri bila akan di-lantek sa-orang warga negara Malaysia memegang jawatan Inspector-General Polis di-Raja Malaysia.
- *2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Dalam Negeri apa sebabnya Kerajaan menolak permintaan Craftman's Printers bagi menghidupkan lesen-nya bagi tahun 1963.
- *3. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Dalam Negeri ada-kah Kerajaan akan benarkan Enche' Ahmad Boestaman dan lain2 orang tahanan masok dalam Pilehan Raya akan datang dan berkempen dengan bebas kerana itu.
- *4. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ada-kah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri sedar ia-itu Amerika Sharikat menghantar beberapa banyak senjata ka-Afrika Selatan dan jika di-ketahui-nya, ada-kah ia akan menimbangkan di-ambil langkah yang patut bagi menentang perbuatan ini.
- *5. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ada-kah Kerajaan akan menimbangkan di-kembalikan sa-mula perhubungan diplomatik dengan Cuba.
- *6. Enche' V. David bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Perdana Menteri bersedia meminta Ahli2 Jema'ah Menteri-nya memashhorkan harta benda-nya termasok harta benda isteri masing2 sa-belum di-lantek jadi Menteri dan sa-lepas di-lantek jadi Menteri.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2
USUL

- 1. (DR.33/63) Rang Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan)- Membahathkan lagi atas usul "Bahawa Rang Undang2 ini hendak-lah di-bachakan kali yang Kedua" (17hb Disember, 1963).
- 2. (DR.34/63) Rang Undang2 Perikanan (Pindaan) Bachaan Kali Yang Kedua
- 3. (DR.35/63) Rang Undang2 Rachun (Pindaan) "
- 4. (DR.23/63) Rang Undang2 Kumpulan Wang Perusahaan (Menanam Sa-mula) Getah(Pindaan) "

5. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu, menurut kuasa2 yang terserah ka-atas-nya dalam sekshen kecil (2) sekshen 10 dalam Undang2 Kastam tahun 1952, Perentah Chukai2 Kastam (Pindaan)(No.9) tahun 1963, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Surat Undangan No.78 tahun 1963 di-sahkan.

6. Membatikkan lagi Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan (No.3) tahun 1963 (Cmd.45 tahun 1963) dalam Jawatan Kuasa sa-buah2 Majlis (llhb Disember, 1963).

7. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebih daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puloh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

8. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

9. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubohkan Majlis Kebudayaan Negara.

10. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kapada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pileh semua sa-kali Ahli2-nya dalam Filehan Raya.

11. Enche' Lim Huan Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya di-bebasan dengan serta-merta dengan tiada bersharat atau di-bicharakan dalam Mahkamah Undang2.

Risalat yang di-bawa ka-dalam meshuarat

1963

Tarikh di-bawa

ST. 79. Penyata dan Kira2 Tahunan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi tempoh yang ber-akhir pada 30hb June, 1962.

17hb. Disember,
1963.